



## KENYATAAN MEDIA

### ARAHAN PENUTUPAN SEKOLAH AKIBAT JEREBU JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR

Selaras dengan kenyataan media yang dikeluarkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor di bawah kuasa Jawatankuasa Pengurusan Bantuan dan Bencana Negeri Selangor pada 18 September 2019, semua sekolah di bawah Jabatan Pendidikan Negeri Selangor akan ditutup pada 19 dan 20 September 2019.

Arahan penutupan ini terpakai kepada semua sekolah swasta dan tadika swasta yang berdaftar di Negeri Selangor.

Jumlah sekolah kerajaan yang akan ditutup adalah seperti jadual berikut:

<b>Bil</b>	<b>Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)</b>	<b>Jumlah Sekolah Terlibat</b>	<b>Jumlah Murid Terlibat</b>
1	Selangor	<b>52</b>	<b>42,758</b>
2	Hulu Langat	<b>129</b>	<b>166,923</b>
3	Kuala Langat	<b>72</b>	<b>50,562</b>
4	Gombak	<b>104</b>	<b>121,932</b>
5	Petaling Perdana	<b>139</b>	<b>178,460</b>
6	Petaling Utama	<b>86</b>	<b>75,032</b>
7	Hulu Selangor	<b>68</b>	<b>43,591</b>
8	Kuala Selangor	<b>92</b>	<b>51,894</b>
9	Sabak Bernam	<b>64</b>	<b>24,346</b>
10	Klang	<b>133</b>	<b>156,376</b>
	<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>939</b>	<b>911,874</b>

Semua sekolah terlibat diingatkan supaya merujuk kepada Surat Siaran KPM bil 1/2019 dan mengambil tindakan selaras dengan kenyataan dalam surat siaran tersebut.

**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR**

18 September 2019